

31 MAY 2000

T.Kemang-Jelajah

SOTHINATHAN TELAH JELAJAH SATU PER TIGA TELUK KEMANG

PORT DICKSON, 31 Mei (Bernama) -- Walaupun baharu sehari penamaan calon untuk pilihan raya kecil kawasan Parlimen Teluk Kemang, calon Barisan Nasional (BN) S.Sothinathan telah berjaya menjelajahi hampir satu per tiga daripada kawasan Parlimen ini untuk menemui pengundi.

Sothinathan, 40, menemui pengundi sama ada bersama-sama presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu ataupun bersama-sama Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad.

"Saya telah menjelajahi hampir di kesemua kawasan dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Si Rusa kecuali di beberapa kawasan termasuk bandar Port Dickson, dua per tiga kawasan DUN Lukut serta beberapa tempat dalam DUN Pasir Panjang, DUN Linggi dan DUN Chembong".

Beliau berkata respons yang diterimanya semasa pertemuan dengan pengundi adalah amat baik dan mereka menerimanya sebagai calon BN.

"Hal-hal yang dibangkitkan oleh penduduk kepada saya merupakan masalah-masalah kecil yang akan saya atasi jika memenangi pilihan raya kecil ini," katanya ketika ditemui selepas beliau melawat kawasan DUN Pasir Panjang dekat sini.

Pilihan raya kecil kawasan Parlimen itu menyaksikan pertandingan satu lawan satu antara Sothinathan dari BN dan ketua penerangan Keadilan Ruslan Kasim. Pengundian ialah pada 10 Jun.

Sothinathan berkata beliau mula bergerak menemui pengundi sebaik diumumkan akan dipilih sebagai calon BN oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 22 Mei lepas.

Dan selepas penamaan calon semalam, katanya, usaha menemui pengundi sama ada melalui kempen rumah ke rumah dan ceramah ditingkatkan.

"Saya telah biasa dengan kerja dalam keadaan masa yang tidak menentu, banyak bergerak serta makan yang tidak menentu masa," katanya.

"Pengalaman semasa menjadi setiausaha politik kepada Menteri Kerja Raya Datuk Seri S Samy Vellu sejak awal tahun lepas banyak membantu saya," katanya.

"Kerja dengan Datuk Samy Vellu bukan senang, kerja kadang-kadang dari pukul 7 pagi hingga hingga lewat tengah malam," katanya.

Menjelang hari pengundian nanti, beliau berharap dapat menjelajahi semua kawasan untuk menemui sebanyak mungkin pengundi.

-- BERNAMA

AZ PR